

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 19 Disember 2019

Bil.11/2019

Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2

CUTI TAMBAHAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KRISMAS

1.0 TUJUAN

Pekeling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Cuti Am Tambahan Sempena Sambutan Hari Krismas.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Sabah melalui surat bernombor rujukan: JKM.100-4/52 bertarikh 12 Disember 2019 telah bersetuju memutuskan untuk memberikan cuti am tambahan selama satu (1) hari kepada semua penjawat awam di negeri Sabah sempena sambutan Hari Krismas pada 24 Disember 2019. Cuti am ini merupakan tambahan kepada cuti am yang telah sedia ada pada 25 Disember 2019.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti telah bersetuju menerima pakai pelaksanaan Cuti Am Tambahan Sempena Sambutan Hari Krismas pada 24 Disember 2019 bagi semua kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Cuti Am Tambahan Hari Krismas pada 24 Disember 2019 ini dilaksanakan bagi semua kakitangan Universiti Malaysia Sabah **yang berkhidmat di Sabah sahaja**.


4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeling Pendaftar ini berkuat kuasa pada 24 Disember 2019.

Sekian, terima Kasih.

"BER TEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



VINA ZAHRIANI Y USOF

Pendaftar

- s.k. ☐ Naib Canselor
☐ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☐ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☐ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
☐ Bendahari
☐ Ketua Pustakawan